

Tun M sedia ke mahkamah dakwaan hina institusi diraja

Bekas PM tegaskan larangan sentuh isu 3R tidak sah kerana tak digubal, dilulus jadi undang-undang

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui sedia didakwa di mahkamah berhubung dakwaan beliau mengeluarkan kenyataan berunsur penghinaan terhadap institusi diraja, baru-baru ini.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, ini kerana pendiriannya berhubung larangan menyentuh isu berkenaan 3R yang merujuk agama, kaum dan institusi diraja adalah undang-undang yang tidak sah, dengan larangan itu tidak digubal menjadi sebuah undang-undang yang dilulus dan diwartakan di Parlimen.

"Saya tidak faham kenapa saya disoal, kerana arahan tidak boleh guna 3R tidak sah. Kalau nak buat undang-undang bukan (kuasa) PM (Perdana Menteri), tetapi dia perlu pergi ke Parlimen.

"Kalau Parlimen lulus dan diwartakan sebagai undang-undang barulah undang-undang itu berkuasa, tapi Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) buat keputusan tanpa rujukan kepada



Dr Mahathir ketika menjadi panel program Minggu Negarawan yang membincangkan tajuk Peradaban dan Sosiologi di Yayasan Kepimpinan Perdana, di Putrajaya, semalam. (Foto Aizuddin saad/BH)

sesiapa dan ia kononnya dijadikan undang-undang sehingga polis bertanya kepada saya macam-macam," katanya ketika menjadi panel program Minggu Negarawan yang membincangkan tajuk Peradaban dan Sosiologi di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini semalam.

Tekanan melalui pihak polis

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Bukit Aman yang mengesahkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang menjalankan siasatan ke atasnya berkaitan kenyataan berunsur penghinaan terhadap institusi diraja.

Dalam pada itu, Dr Mahathir menegaskan larangan berhubung isu 3R itu dilihat sebagai satu bentuk tekanan daripada kerajaan melalui pihak polis.

"Siapa sahaja bercakap pasal bangsa, agama dan raja-raja akan disoal oleh polis, ini adalah satu cara penekanan, 'its a form of torture' (ia satu bentuk tekanan) sebab semua orang takut kalau polis datang.

"Kerajaan guna polis mengugut rakyat supaya jangan bercakap berkenaan perkara yang kerajaan tidak boleh jawab," tambah beliau.

Malam kelmarin, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain mengesahkan merakam keterangan Dr Mahathir berkaitan kenyataannya yang didakwa berunsurkan penghinaan terhadap institusi diraja.

Pada 2 Jun lalu, Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT) JSJ Bukit Aman turut merakam ketera-

ngan Dr Mahathir berhubung kenyataan yang didakwa berunsur penghinaan berkaitan institusi diraja serta proklamasi orang Melayu.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, beliau didatangi pihak polis bertujuan merakam keterangannya berhubung dakwaan itu kelmarin, namun memilih untuk tidak menjawab soalan diajukan dan bersedia perkara itu dibawa ke mahkamah.

"Saya disoal dan biasanya saya minta didakwa ke mahkamah dan saya akan jawab soalan. Yang soalan mereka (polis) saya tidak jawab.

"Saya beritahu polis, saya suka dibicara di mahkamah. Boleh saya beritahu kepada seluruh rakyat kesilapan yang dilakukan kerajaan," katanya.